



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PRINSIP PEMBELAJARAN MENTALIS DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU SEKOLAH MENENGAH

CYNTHIA LAYAH AK GERAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PRINSIP PEMBELAJARAN MENTALIS DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU SEKOLAH MENENGAH

CYNTHIA LAYAH AK GERAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

| | | |
|--|--|--|
| | | |
| | | |
| | | |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan) 7 (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar:

Saya, CYNTHIA LAYAH AK GERAHAN, MD142002413, FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PRINSIP PEMBELAJARAN MENTALIS DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Cynthia
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DY. DR. AINIAR H. WATHI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PRINSIP PEMBELAJARAN MENTALIS DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15/7/20
Tarikh

L.
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PRINSIP PEMBELAJARAN MENTALIS DALAM TERS
KESUSASTERAAN MELAYU SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric No.:

M20142002413

Saya / I :

CYNTHIA LAYAH AK GEPAMAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Cynthia
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 14/7/2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Profesor Madya Dr. Azhar bin Hj. Wahid

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iv

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan tesis ini telah berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian dan penyelidikan ini telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu-individu berikut ; Prof. Dr Azhar bin Wahid merupakan penyeilia tesis saya. Rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar terutamanya kepada rakan seperjuangan Darrien ak Layau, Jac, Erniezan dan Brannely tidak lupa juga kepada emak saya Philomena ak Moses dan ayah saya Geraman ak Entemang dan juga suami saya Fernandez ak Selan yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya sehingga saya selesai dalam pengajian saya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji prinsip pembelajaran Teori Mentalis dalam teks Kesusasteraan Melayu sekolah menengah. Kajian ini juga menilai perkaitan prinsip pembelajaran Teori Mentalis yang dipelopori oleh Noam Chomsky dalam teks Kesusasteraan Melayu sekolah menengah. Teori Mentalis mengutamakan kemahiran membaca dan juga menulis dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian secara kuantitatif dan data dianalisis menggunakan Cohen's Kappa untuk mengukur tahap kesahan dalam penyelidikan. Pemilihan subjek kajian melibatkan 100 orang pelajar tingkatan 6 dan 179 orang pelajar tingkatan 4 aliran sastera. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah skala likert bagi darjah persetujuan yang berbeza yang terdapat dalam soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap pemikiran kritis pelajar, manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian Korelasi Pearson yang menerangkan perbezaan serta hubungan antara boleh ubah kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Prinsip Pembelajaran Teori Mentalis dapat memberi kesan dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu dan membantu pelajar untuk memahami Kesusasteraan Melayu. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan keberkesanan prinsip pembelajaran kepada pelajar dari segi bahasa telah meningkatkan pemikiran kristis pelajar. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan prinsip pembelajaran Teori Mentalis dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.



05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PRINCIPLES OF LEARNING MENTALIST IN HIGH SCHOOL MALAY LITERATURE TESTX

ABSTRACT

This study aimed to investigate the principles of learning theory in the text Mentalis Malay middle school. The study also evaluates the relevance of the principles of learning theory Mentalis pioneered by Noam Chomsky in the text of Malay Literature secondary school. Mentalist Theory emphasizes reading and writing skills among students. The study used quantitative study design and data were analyzed using Cohen's Kappa to measure the validity of the research. The subject selection of the study involved 64 students of form 6 and 179 students of form 4 literature class. The instruments used in this study were the likelihood scales for the different degrees of agreement found in the questionnaire. Data were analyzed using descriptive and inference analysis. Descriptive analysis explains the level of critical thinking of students, while inference statistics involve Pearson Correlation tests that explain differences and relationships between study variables. The results showed that the Principles of Learning Theory mentalist can affect the learning of Malay Literature and help students to understand the Malay Literature. The findings from the study show that the effectiveness of language learning principles for students has increased the students' critical thinking. The study showed that the use of the principles of learning theory mentalist can improve the effectiveness of teaching and learning of Malay Literature.





KANDUNGAN

Muka surat

| | |
|---|------|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | viii |
| SENARAI SINGKATAN | ix |
| SENARAI LAMPIRAN | x |



BAB 1 PENDAHULUAN

| | |
|------------------------|----|
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang | 6 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 9 |
| 1.3 Objektif Kajian | 11 |
| 1.4 Soalan Kajian | 12 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.6 Batasan Kajian | 14 |
| 1.7 Definisi Istilah | 16 |
| 1.7.1 Keberkesanan | 16 |





| | |
|----------------------------|----|
| 1.7.2 Teori Mentalis | 17 |
| 1.7.3 Pembelajaran | 19 |
| 1.7.4 Kesusasteraan Melayu | 20 |
| 1.8 Kesimpulan | 22 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|---|----|
| 2.1 Pendahuluan | 23 |
| 2.2 Sorotan Literatur Peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran | 24 |
| 2.3 Sorotan Literatur Buku-buku Ilmiah | 32 |
| 2.3.1 Kajian Literatur Dalam Kajian Negeri | 32 |
| 2.3.2 Kajian Literatur Dalam Luar Negara | 37 |
| 2.4 Kesimpulan | 41 |



| | |
|--------------------------------------|----|
| 3.1 Pengenalan | 43 |
| 3.2 Skop Kajian | 43 |
| 3.3 Kaedah Kajian | 44 |
| 3.3.1 Kaedah Kualitatif | 44 |
| 3.3.2 Kaedah Kepustakaan | 45 |
| 3.3.3 Kaedah Pengumpulan Maklumat | 47 |
| 3.3.4 Kaedah Penganalisisan Maklumat | 47 |
| 3.4 Instrumen Kajian | 51 |
| 3.5 Kesahan Soal Selidik | 57 |
| 3.6 Kerangka Teori | 60 |
| 3.6.1 Teori Mentalis | 60 |





| | |
|-------------------------------|----|
| 3.7 Prosuder Pengumpulan Data | 77 |
| 3.8 Kesimpulan | 80 |

BAB 4 HASIL KAJIAN

| | |
|---|-----|
| 4.1 Pengenalan | 83 |
| 4.2 Analisis Deskriptif | 83 |
| 4.2.1 Demografi Responden | 83 |
| 4.2.2. Analisis Item Aktiviti Mental | 84 |
| 4.2.3 Analisis Item Menegaskan Makna | 102 |
| 4.2.4 Analisis Item Mencerna Idea | 112 |
| 4.2.5 Analisis Item Struktur | 125 |
| 4.2.6 Analisis Item Sintaksis dan Morfologi | 134 |
| 4.2.7 Analisis Item Kesalahan Ambil Kira | 141 |
| 4.3 Analisis Inferensi | 155 |
| 4.3.1 Analisis Ujian Korelasi Pearson | 155 |
| 4.3.1.1 Hubungan di antara Aktiviti Mental dan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 155 |
| 4.3.1.2 Hubungan di antara Menegaskan Makna dengan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 156 |
| 4.3.1.3 Hubungan di antara Item Mencerna Idea dan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 157 |
| 4.3.1.4 Hubungan di antara Item Struktur dan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 158 |
| 4.3.1.5 Hubungan di antara Item Sintaksis atau Morfologi dan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 159 |
| 4.3.1.6 Hubungan di antara Item Kesalahan Ambil Kira dan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 160 |





| | |
|---------------------------------------|-----|
| 4.4 Analisis Ujian Regresi | 161 |
| 4.4.1 Analisis Ujian Regresi Pelbagai | 161 |
| 4.5 Kesimpulan | 169 |

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

| | |
|---|-----|
| 5.1 Pendahuluan | 170 |
| 5.2 Perbincangan | 171 |
| 5.3 Implikasi Kajian | 173 |
| 5.3.1 Pelajar Sekolah | 173 |
| 5.3.2 Guru-guru | 175 |
| 5.4 Sumbangan | 177 |
| 5.4.1 Pelajar | 177 |
| 5.4.2 Guru | 178 |
| 5.5 Pencapaian Objektif Kajian | 180 |
| 5.5.1 Mengenalpasti Prinsip Pembelajaran dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu. | 180 |
| 5.5.2 Menganalisis Prinsip Pembelajaran Mentalis dalam Teks Kesusasteraan Melayu | 181 |
| 5.6 Pencapaian Matlamat Kajian | 185 |
| 5.7 Cadangan Kajian Selanjutnya | 186 |
| 5.8 Kesimpulan | 189 |
| RUJUKAN | 190 |
| LAMPIRAN | 194 |





SENARAI JADUAL

| No Jadual | Muka surat |
|--|------------|
| 3.1 Soal Selidik Prinsip-prinsip Penyelidikan Teori Mentalis | 50 |
| 4.1 Taburan Demografi Responden | 84 |
| 4.2 Analisis Item Aktiviti Mental | 85 |
| 4.3 Analisis Item Menegaskan Makna | 103 |
| 4.4 Analisis Item Mencerna Idea | 113 |
| 4.5 Analisis Item Struktur | 126 |
| 4.6 Analisis Item Sintaksis atau Morfologi | 135 |
| 4.7 Analisis Item Kesalahan Ambil Kira | 142 |
| 4.8 Hubungan antara Aktiviti Mental dengan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 156 |
| 4.9 Hubungan antara Item Menegaskan Makna dengan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 157 |
| 4.10 Hubungan antara Item Mencerna Idea dengan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 158 |
| 4.11 Hubungan antara Item Struktur dengan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 159 |
| 4.12 Hubungan antara Item Sintaksis atau Morfologi dengan Pemahaman Teks Kesusastraan Melayu | 160 |





| | | |
|------|--|-----|
| 4.13 | Hubungan antara Item Kesalahan Ambil Kira dengan Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu | 161 |
| 4.14 | Model Regresi | 162 |
| 4.15 | Analisis Regresi pelbagai Item Bahagian B terhadap Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu | 163 |
| 4.16 | Analisis Anova Item Bahagian B terhadap Pemahaman Teks Kesusasteraan Melayu | 164 |
| 4.17 | Skala Persetujuan Cohen Kappa | 165 |
| 4.18 | Nilai Persetujuan antara Pakar Penilai | 165 |





SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka surat |
|---|------------|
| 3.1 Prinsip Pembelajaran Teori Mentalis | 65 |
| 3.2 Aktiviti Mental | 67 |
| 3.3 Menegaskan Makna | 69 |
| 3.4 Kebolehan Mental | 70 |
| 3.5 Struktur | 72 |
| 3.6 Sintaksis atau Morfologi | 73 |
| 3.7 Kesalahan Ambil Kira | 75 |
| 4.1 Aktiviti Main Peranan | 88 |
| 4.2 Aktiviti Pengajaran (Kotak-Ilmu) | 91 |
| 4.3 Berpusatkan guru | 92 |
| 4.4 Sumbang saran | 95 |
| 4.5 Multimedia | 97 |
| 4.6 Main Peranan dan Bacaan Nyaring | 100 |
| 4.7 Gaya bahasa | 110 |
| 4.8 Mengeluarkan idea | 116 |
| 4.9 Aktiviti Tulis-Cepat-Cepat | 121 |
| 4.10 Aktiviti Kongsi Bergilir | 124 |
| 4.11 Aktiviti Lihat-Fikir-Komen | 147 |
| 4.12 Aktiviti Saya-Kongsi-Sepakat | 151 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

X

4.13

Skema-Laku-Ucap Teori Chomsky

154



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|---|
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |
| P& P | Pengajaran dan Pembelajaran |
| LAD | <i>Language Acquisition Devise</i> |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| LCD | <i>Liquid Crystal Display</i> |
| BM | Bahasa Melayu |
| SPSS | <i>Statistical Package for Sosial Studies</i> |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
X

SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- D Penghargaan
- E Abstrak
- F *Abstract*
- G Kandungan
- H Senarai Jadual
- I pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Senarai Rajah PustakaTBainun ptbupsi
- J Senarai Singkatan
- K Borang Soal Selidik (Pelajar)
- L Borang Soal Selidik (Penilai Pakar)
- M Surat Kelulusan Menjalankan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.0 Pengenalan

Bidang pengajaran Kesusasteraan Melayu merupakan suatu bidang tugas amali yang kompleks dan multi-disiplin sifatnya. Pelbagai pendekatan digunakan untuk pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dalam bilik darjah bagi menarik minat para pelajar agar mereka dapat menghayati dan mempunyai minat yang mendalam dalam Kesusasteraan Melayu. Penghayatan kesusasteraan penting kerana karya sastera boleh dijadikan alat untuk membangunkan diri manusia seperti pembangunan daya intelek, perasaan peka terhadap masyarakat dan rasa keagamaan. Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Justeru itu, kerelevanan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk diteruskan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah-sekolah sangat penting kerana Kesusasteraan Melayu ini dapat mendidik generasi muda tentang ilmu - ilmu berkenaan dengan nilai, tatasusila, peradaban, pemikiran, dan keperibadian bangsa. Kesusasteraan Melayu dalam konteks pendidikan di Malaysia ditakrifkan sebagai karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu yang berunsurkan keindahan dan kehalusan, sama ada berbentuk novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional atau puisi tradisional bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping memaparkan nilai kemanusiaan dan citra masyarakat (Kementerian Pelajaran Malaysia , 2003). Kesusasteraan adalah berasaskan nilai seni dan nilai kemanusiaan yang tinggi. Dengan itu, biarpun kemajuan negara seiring dengan peredaran zaman, generasi muda zaman sekarang masih lagi tersemat dengan etika dan nilai-nilai ketimuran yang menjadi pegangan masyarakat yang terdahulu.

Sejajar dengan kemajuan pada masa ini, pelbagai teori atau kaedah digunakan untuk dikaitkan dengan Kesusasteraan Melayu terutamanya untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana penggunaan teori dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu masih kurang di Malaysia. Mengaplikasikan teori dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan sahaja mengkehendaki pelajar memahami Kesusasteraan Melayu malah pelajar diharapkan dapat menjawai nilai-nilai





kemanusiaan dan kemasyarakatan yang terdapat dalam sesebuah sastera yang dibaca oleh pelajar. Pendidikan Kesusasteraan Melayu di negara kita dapat menjadi *role-model* yang ideal dalam merombak dan membentuk pelajar supaya mempunyai suatu bentuk kehidupan dinamik, progresif dan berketerampilan tinggi.

Bidang Prinsip-prinsip Pembelajaran ini memberi pendedahan kepada para pengkaji supaya memahami penggunaan teori dalam bidang yang dikaji. Terlebih dahulu, pengkaji akan menerangkan serba sedikit berkaitan dengan teori dari segi definisi teori. Menurut Mieke Bal (1985) dalam buku Teori dan Kritikan Sastera Barat dan Malaysia, telah menyebut



Terdapat juga definisi teori yang dikemukakan oleh para sarjana dan pengkaji Melayu di Malaysia. Antara pengkaji Melayu tersebut ialah Ramli Isin (1997) dalam buku Teori dan Kritikan Sastera Barat dan Malaysia telah menjelaskan bahawa teori adalah gagasan tentang definisi, konsep, prinsip, kriteria dan saranan yang memperjelaskan sesuatu objek. Teori yang akan diaplikasikan oleh pengkaji dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ialah Teori Mentalis.

Buku teks Kesusasteraan Melayu Tingakatan 4 dan Tingkatan 6 yang mempunyai pelbagai genre yang boleh pelajar pelajari. Unsur- unsur intelek dalam kesusasteraan bukan sahaja menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai bahan hiburan semata-mata ,





tetapi lebih penting sebagai bahan untuk pembaca terutamanya pelajar mendapatkan pendidikan dan juga pengajaran berdasarkan cerita yang terdapat dalam teks Kesusasteraan Melayu. Idea-idea yang ditimbulkan terutamanya aspek-aspek yang berhubung dengan soal-soal moral, kemasyarakatan, ekonomi dan politik, dapat dijadikan bahan renungan dan teladan kepada para pembaca.

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan mata pelajaran pilihan bagi pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Penambahbaikan bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini sangat bersesuaian jika dikaitkan dengan keseimbangan dari segi ketinggian ilmu kemahiran bahasa dan juga ketinggian nilai-nilai keperibadian yang dipelajari daripada karya-karya sastera. Kini, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan sahaja menarik pelajar untuk mempelajari sastera, malah meningkatkan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan subjek elektif sekolah menengah perlu wajib diajarni di sekolah supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar yang minat membaca, mengaspreasikan dan menghasilkan karya-karya kreatif. Malah, penggunaan Prinsip-prinsip Pembelajaran yang diaplikasikan dengan teks Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang perlu dikaji supaya hasilnya dapat meningkatkan minat pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Biarpun begitu, kajian ini masih lagi tidak diuji keberkesanannya secara statistik dalam memberi kefahaman dan penghayatan terhadap sesebuah karya kepada para pelajar.





Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap keberkesanan penggunaan Prinsip-prinsip Pembelajaran berdasarkan teks novel Kesusasteraan Melayu Tingkatan 6 dan Tingkatan 4 dalam memberi kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap karya sastera. Dalam pengujian ini, pengkaji melibatkan penggunaan beberapa orang pelajar dari kelas-kelas Kesusasteraan Melayu di sekolah bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Secara tidak langsung, hal ini juga berupaya membuktikan bahawa subjek Kesusasteraan Melayu juga relevan menggunakan corak pembelajaran berasaskan Prinsip-prinsip Pembelajaran sebagaimana kaedah pembelajaran ini diterapkan dalam mata pelajaran yang lain. Pengaplikasian teori mentalis berdasarkan novel teks Kesusasteraan Melayu dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu berupaya melahirkan generasi perintis negara yang mempunyai ilmu sastera yang tinggi, malah juga mempunyai etika dan akhlak yang seimbang. Keseimbangan dari segi keperluan intelek, emosi, rohani dan jasmani dalam masyarakat membantu dalam menjana kemajuan pembangunan dan kestabilan negara.

Tambahan lagi, penggunaan buku teks sebagai bahan kurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia merupakan satu amalan sejak sekian lama walaupun negara Malaysia sudah mencapai tahap kemajuan yang amat membanggakan. Hal ini demikian kerana buku teks telah menjadi bahan pegangan guru dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran selaras dengan keperluan kurikulum yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran bagi sesuatu mata pelajaran. Guru menggunakan buku teks sebagai panduan agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan secara tersusun dan terancang malah menepati aspirasi yang ingin disampaikan oleh kurikulum tersebut.





Pendidikan Kesusasteraan Melayu tidak seharusnya bermotifkan matlamat untuk mempertingkatkan pengetahuan terhadap unsur-unsur sastera melalui penelitian karya semata-mata. Hal ini demikian kerana, sudah tiba masanya pendidikan Kesusasteraan Melayu bersifat ‘kalkulatif’, yang dilihat berupaya memberi penekanan yang seimbang bukan sahaja dari aspek penghayatan dan penikmatan, bahkan keupayaan kognitif dan efektif.

1.1 Latar Belakang

Teori, kaedah serta pendekatan adalah merupakan elemen-elemen yang penting dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Teori, kaedah dan pendekatan tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain dengan menjamin penyampaian yang berkesan dalam proses pengajaran Kesusasteraan Melayu oleh guru dalam bilik darjah. Selain daripada kemahiran dalam menguasai teori-teori pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, tidak sempurna pengetahuan seseorang guru tanpa mengetahui dan menguasai kaedah serta pendekatan yang sesuai yang terbit daripada teori-teori berkenaan dalam menyampaikan sesuatu pengajaran yang dirancang. Kini, ramai pengkaji-pengkaji telah mengkaji teori yang sesuai dan kemudian diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di bilik darjah kepada pelajar untuk melihat keberkesanan teori yang dipilih oleh pengkaji.





Selain itu, memandangkan pembelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan suatu fenomena penting yang berkait rapat dengan perkembangan dan pertumbuhan akal individu, kemampuan dari segi kefahaman maka dalam kalangan pelajar Kesusasteraan Melayu atau guru-guru seharusnya menguasai bahan-bahan serta memahami teori-teori dan pendekatan dengan baik sebelum mengajar. Kriteria-kriteria berkaitan dengan teori bukanlah suatu yang mutlak dan khusus, namun berdasarkan inti teori maka dapat dirumuskan kriteria untuk menentukan sesuatu teori tersebut ialah proses pembentukan, gagasan idea atau saranan, deskripsi, pengujian dan pemurniannya.

Dalam persepektif pengajaran, para pendidik mempunyai pelbagai pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan juga teori tertentu. Aspek-aspek ini sentiasa berubah-ubah bergantung kepada unsur dan bahan kajian yang hendak dikaji oleh pengkaji. Namun, aspek ini tidak seharusnya menjadi kongkongan dan menjadi beban kepada para pendidik untuk menerapkan ilmu yang hendak diketengahkan kepada para pelajar. Sebaliknya, para pendidik harus bersikap terbuka dan menganggap bahawa pendekatan, kaedah, teknik, startegi dan teori ini merupakan saluran eksperimentasi dalam menguji daya kreativiti proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermakna bahawa keberkesanan penggunaan setiap satu daripadanya bergantung kepada pengetahuan, pengalaman dan penghayatan selari dengan bahan dan isi kandungan yang diajar.

Teori Mentalis merupakan antara teori yang berada dalam kumpulan teori Pemerolehan Bahasa. Pengkaji akan menerangkan serba sedikit berkaitan dengan latar belakang teori Pemerolehan Bahasa dan Teori Mentalis, dalam buku Pengkaedahan





Mengajar Bahasa (1995). Latar belakang bagi teori Pemerolehan Bahasa, menurut Simanjuntak (1978:1) telah menganggap bahasa adalah satu struktur yang unik daripada bunyi-bunyi dan ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang-wenangnya untuk dipakai oleh sesuatu masyarakat untuk berhubung. Bagi Vygotsky (1962) telah menerangkan bahawa bahasa bukanlah satu benda, tetapi satu proses, iaitu satu gerak yang berlaku terus-menerus daripada fikiran kepada kata dan daripada kata-kata kepada fikiran.

Selain itu, bagi latar belakang Teori Mentalis pula merupakan teori psikologi koda kognitif berbeza dengan teori pembelajaran behaviurisme. Dalam buku Pengkaedahan Mengajar Bahasa (1995), George A. Miller yang merupakan seorang sarjana bagi teori mentalis telah cuba untuk menggambarkan proses-proses mental yang dapat dilakukan oleh seseorang pendengar apabila menghadapi sesuatu pertuturan. Proses-proses tersebut ialah mendengar, memadamkan, menerima, mentafsirkan, memahami dan mempercayai.

Kesusasteraan Melayu yang merupakan satu cabang ilmiah yang berupaya untuk membantu dalam menjana pembentukan modal insan dalam diri masyarakat, khususnya generasi perintis yang bakal menentukan baik buruk masa depan sesebuah bangsa dan negara. Bahkan sastera itu adalah sebahagian dari landasan utama identiti kebudayaan masyarakat yang juga menjadi satu wadah dalam memberi ilmu kepada masyarakat berkenaan nilai-nilai murni dan pengajaran agar mengenali jati diri, masyarakat, bangsa dan juga agama. Penglibatan penggunaan teori dalam melalui pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu perlu relevan untuk mencapai pemahaman dan





penghayatan para pelajar sebagaimana kesan penggunaannya dalam pembelajaran terhadap subjek-subjek yang lain.

Kesimpulannya, pengaplikasian teori dalam sistem pendidikan negara amat penting supaya guru dapat mengenalpasti kelemahan pelajar dan memperbaiki cara pengajaran di bilik darjah. Penggunaan Teori Mentalis sebagai kajian menguji daya kreativiti proses pengajaran dan pembelajaran guru kepada pelajar, sebelum menggunakan Teori Mentalis ini seseorang guru perlu mengetahui latar belakang Teori Mentalis supaya pelajar dan guru lebih bersedia.



Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sering dipandang ringan oleh mana-mana pihak berbanding mata pelajaran yang lain. Subjek ini tidak dianggap berdaya saing dan tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi. Biarpun mata pelajaran Kesusasteraan Melayu hanyalah merupakan subjek elektif, para guru dan pentadbir tidak seharusnya memandang remeh pada subjek elektif seperti ini kerana bukan sahaja ia berupaya menyumbang kepada peningkatan peratusan kelulusan akademik para pelajar, malah juga turut memupuk nilai jati diri yang baik dalam diri pelajar sekiranya subjek ini disampaikan dan diterima dengan baik.





Kesilapan pengajaran kesusasteraan hari ini berpunca daripada sistem pengajaran yang terlalu menekankan kepentingan peperiksaan semaa-mata dan tidak menggalakkan minat dan menguasai bidang penulisan dan kesusasteraan sejak di bangku sekolah lagi (Talib Samat, 2004). Menurut Jaafar Abdul Rahim (dalam Talib Samat, 2004) pengajaran sastera diajarkan pada peringkat asas, pelajar berupaya menetapkan haluan dan tujuan yang tersendiri. Selain mewujudkan minat dan bakat menulis sejak kecil, ini dapat meningkatkan minat pelajar untuk mereka berpuisi dan bersastera secara terarah sejak kecil lagi dan berkembang sejajar dengan usia dan minda mereka.

Selain itu, jadual guru yang padat dengan aktiviti sekolah juga menjadi punca kepada kurangnya kreativiti guru dalam menghasilkan kaedah P&P yang lebih efektif.

Hal ini disokong oleh Nur Aisyah (2011) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa guru terbeban dengan tugas lain di luar bilik darjah seperti mengendalikan program yang melibatkan murid. Tambahan lagi, penjadualan aktiviti guru yang tidak sistematik menyebabkan guru terkejar-kejar untuk menghabiskan silibus. Kekangan ini mematikan kreativiti guru untuk menggunakan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dalam proses P&P.

Keadaan di Malaysia pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 telah memperlihatkan senario yang amat berbeza dengan kerjaya guru sastera. Bidang sastera telah menghadapi cabaran yang hebat akibat daripada ledakan arus pembangunan negara yang berteraskan sains dan teknologi. Permintaan dan keperluan yang tinggi terhadap saintis, intelektual multimedia dan tenaga siber telah menjadikan bidang sastera semakin





terpinggir dan dilupakan. Disiplin ilmu sastera yang menitikberatkan kajian tentang pemikiran budaya, moral dan keperibadian bangsa seolah-olah tidak mempunyai nilai dalam saham pembangunan negara. Penghargaan masyarakat terhadap guru sastera juga semakin luntur dan lesu di negara kita. Fenomena tersebut telah menyebabkan timbul anggapan dalam kalangan masyarakat bahawa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini semakin tiada masa hadapan dan hanya untuk golongan tertentu sahaja.

Pemerolehan bahasa merupakan satu proses perkembangan bahasa manusia. Lazimnya pemerolehan bahasa pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak. Kajian-kajian yang telah dijalankan untuk melihat sama ada manusia memang sudah dilengkapi dengan alat biologi untuk kebolehan berbahasa atau pun tidak.

Pemerolehan bahasa dikaitkan dengan penguasaan sesuatu bahasa tanpa disedari atau dipelajari secara langsung iaitu tanpa melalui pendidikan secara formal untuk mempelajarinya oleh segelintir pelajar. Pemerolehan bahasa ini kurang diperlakukan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah walaupun masih terdapat pelajar yang mengalami masalah dari segi bahasa mereka terutamanya dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan :

1. Mengenalpasti prinsip pembelajaran dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.





2. Menganalisis keberkesanan prinsip pembelajaran mentalis dalam teks Kesusasteraan Melayu.
3. Mengkaji perkaitan prinsip teori mentalis dengan teks Kesusasteraan Melayu.

1.4 Soalan Kajian

1. Sejauh manakah pengaplikasian teori mentalis dalam Kesusasteraan Melayu.
2. Sejauh manakah keberkesanan pengaplikasian prinsip pembelajaran mentalis dalam teks Kesusasteraan Melayu.
3. Sejauh manakah perkaitan prinsip teori mentalis ini dengan teks Kesusasteraan



1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi beberapa kepentingan terhadap pelbagai pihak untuk mencapai objektif tertentu. Antaranya ialah :

1. Hasil kajian ini boleh menjadi asas kepada pengajaran sastera untuk kegunaan guru-guru di semua sekolah menengah sebagai bahan bantu mengajar. Penggunaan teori dalam teks novel Kesusasteraan Melayu yang telah dikaji dijadikan sebagai pencetus idea kepada para guru Kesusasteraan Melayu untuk





menghasilkan perisian yang menarik untuk tontonan pelajar. Perihal ini membolehkan pelajar lebih menghayati dan memahami sesuatu karya sastera yang terkandung dalam buku teks seterusnya lebih memudahkan para guru untuk memberi penerangan kepada pelajar secara lebih lanjut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

2. Hasil kajian ini memberi idea kepada guru untuk merangka kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik, kreatif dan efektif untuk menarik minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran subjek Kesusastraan Melayu. Dengan mengkaji teori mentalis dalam teks novel, para guru berupaya mengatur kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian bertepatan dengan masa P&P yang telah ditetapkan terutamanya dari segi pemerolehan bahasa. Hal ini kerana masa yang diuruskan dengan baik sangat diperlukan untuk guru menarik perhatian pelajar, memberi penerangan dan membuat penilaian terhadap pemahaman yang diperoleh daripada pelajar sewaktu sesi P&P. Justeru itu, pengurusan masa yang baik memberi peluang kepada para pendidik untuk merangka kaedah dan pendekatan yang boleh digunakan semasa P&P dengan membantuan perisian yang dihasilkan dengan menarik dan kreatif.
3. Hasil kajian ini juga berupaya menjadi pencetus idea kepada pengkaji teori dalam menjadikan karya sastera sebagai mata pelajaran yang menarik. Sepertimana yang kita ketahui, hasil karya-karya sastera ini telah banyak dikaji dengan menggunakan pelbagai teori malah kajian yang berkaitan dengan teori ini





berlandaskan Teori Mentalis iaitu lebih kepada bahasa jarang sekali dikaji oleh pengkaji. Justeru, tidak mustahil jika hasil kajian ini dijadikan sebagai pencetus idea kepada para pengkaji teori untuk menghasilkan karya-karya sastera seterusnya didedahkan kepada generasi muda. Dengan itu, karya sastera tetap akan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat tidak mengira usia.

4. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para penyelidik yang ingin membuat kajian berkaitan. Kajian berkenaan pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu sangat sedikit bilangannya berbanding mata pelajaran yang lain. Justeru, hasil kajian ini diharap dapat menjadi salah satu bahan rujukan yang dapat digunakan bagi menggalakkan para penyelidik untuk menghasilkan lebih banyak kajian berkenaan mata pelajaran kesusasteraan Melayu.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan tentang prinsip pembelajaran Teori Mentalis yang akan dikaji dengan menggunakan teks Kesusasteraan Melayu antara pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6. Prinsip pembelajaran ini dipilih kerana masih belum lagi pengkaji yang mengkaji prinsip pembelajaran untuk Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana prinsip pembelajaran ini lebih banyak digunakan untuk mengkaji dalam bidang Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan Teori Mentalis yang merupakan cabang kepada teori





Pemerolehan Bahasa. Oleh sebab itu, kajian ini dihadkan dengan menggunakan Teori Mentalis.

Pemilihan pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 merupakan cara permulaan untuk mengkaji pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 dengan menggunakan Prinsip-prinsip Pembelajaran dalam mata pelajaran Kesusastraan Melayu. Pembatasan ini juga dilakukan kepada pelajar Tingkatan 4 kerana pelajar Tingkatan 4 merupakan pelajar yang baru sahaja mempelajari dan mengenali Kesusastraan Melayu manakala pelajar Tingkatan 6 pula untuk mengkaji kefahaman pelajar berkaitan dengan Kesusastraan Melayu. Novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur merupakan karya Keris Mas (1982) dan novel Naratif Ogonshoto merupakan karya Anwar Ridhwan (2016) dipilih kerana kedua-dua novel tersebut merupakan novel wajib di baca oleh pelajar dan pelajar perlu memahami cerita kedua-dua novel tersebut.

Pemilihan Prinsip-prinsip Pembelajaran ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kajian ini kepada pelajar dengan menggunakan aktiviti mental, kebolehan mental, sintaksis atau morfologi, menegaskan makna, struktur dan kesalahan ambil kira dalam mata pelajaran Kesusastraan Melayu.





1.7 Definisi Istilah

Definisi konsep yang dikemukakan dalam bab ini akan menjelaskan secara satu persatu berkenaan dengan istilah tajuk penyelidikan iaitu “ Prinsip Pembelajaran Mentalis Dalam Teks Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah”.

1.7.1 Keberkesanan

Keberkesanan dalam buku “ *The Concise Oxford Dictionary of Current English* ” (1964) yang menyatakan bahawa keberkesanan bermaksud penghasilan kesan, akibat atau kesimpulan yang dihajati dari perspektif penyelidik dan pentadbir keberkesanan merujuk kepada kegunaan sepenuhnya sumber untuk meningkatkan jumlah dan mutu hasil yang dikeluarkan. Definisi keberkesanan ini adalah berdasarkan tahap pengukuran yang telah ditetapkan yang telah di petik daripada Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat yang bertajuk Keberkesanan Pengimplementasian Sistem Pengkomputeran diperpustakaan dan Pusat Maklumat di Malaysia.

Selain itu, menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga, 2002), yang telah menerangkan maksud keberkesanan ialah menimbulkan hasil (kesudahan dan sebagainya) yang diharapkan membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya)





seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya).

1.7.2 Teori Mentalis

Teori ini dipelopori oleh Noam Chomsky yang merupakan ahli psikolinguistik dari Amerika Syarikat. Chomsky telah memberi pendapat dengan mengatakan bahawa kanak-kanak dilahirkan dengan alat pemerolehan bahasa yang digelar sebagai LAD (Language Acquisition Devise). Menurut Chomsky, secara semula jadi, sewaktu dalam lingkungan umur tiga tahun, kanak-kanak sudah boleh bercakap dengan menggunakan tatabahasa transformasi-generatif. Tatabahasa transformasi-generatif (iaitu kebolehan kanak-kanak membentuk dan memanupulasi ayat-ayat) telah dipelajari oleh mereka secara formal. Kebolehan itu “ dipelajari ” kanak-kanak melalui komunikasi lisan dengan orang dewasa (Abdul Aziz Abd Talib, 2000)

Selain itu, berdasarkan pendekatan golongan Mentalis didasarkan kepada “ *The innateness hypothesis* ” yang telah menghuraikan bahawa otak manusia yang telah dipersiapkan secara semula jadi untuk berbahasa. Noam Chomsky yang merupakan tokoh penting dan juga pelopor untuk aliran mentalis ini telah mempercayai bahawa di dalam otak manusia terdapat unsur yang dikatakan sebagai struktur bahasa sejagat atau LAD (*Language Acquisition Device*). Perkara yang terdapat dalam LAD ialah “ *the innate*





scheme" atau skema nurani. Melalui proses pemerolehan atau penguasaan bahasa ini boleh dikembangkan dan diperkuuhkan oleh Chomsky (1986).

Selain itu, berdasarkan teori mentalis kebolehan pelajar berbahasa tidak sama antara satu sama lain. Piaget telah berpendapat bahawa perbezaan ini dapat dilihat pada peringkat awal lagi, iaitu pada tahap pemikiran praoperasi. Perbezaan ini disebabkan oleh tiga faktor utama, iaitu baka atau keturunan yang mungkin mempengaruhi bakat berbahasa atau *language aptitude*, alam sosial dan alam persekitaran fizikal pelajar tersebut. Hal ini bermaksud kebolehan bahasa dalam kalangan pelajar dapat diperhatikan sepanjang tempoh persekolahan pelajar. Tugas guru ialah mengajar para pelajarnya supaya pelajar dapat mencapai tahap kemahiran bahasa yang maksimum mengikut

potensi pelajar itu sendiri. (Abdul Aziz Abd Talib, 2000)

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam Buku Pedagogi Bahasa Amalan Bilik Darjah (2011) menerangkan bahawa teori ini amat menegaskan ‘makna’ dan juga proses-proses yang tersembunyi yang terlibat dengan penghasilan bahasa. Mengikut Teori Mentalis, semua bidang penghuraian bahasa mestilah berdasarkan lojik kerana sesuatu yang tidak difahami itu adalah tidak bermakna dan juga tidak dapat diterima. Dari segi pembelajaran bahasa, teori ini menekankan kepada pengetahuan seseorang.

Terdapat beberapa ciri penting yang terdapat dalam Teori Mentalis iaitu (Kamarudin Hj Husin : 1990) :





- a) Manusia sejak lahir sudah mempunyai kebolehan untuk menguasai bahasa.
Perkara ini adalah secara semula jadi.
- b) Terdapat dua bahagian penting di dalam proses penguasaan bahasa. Pertama disebut kemampuan atau kecekapan dan yang kedua disebut prestasi.
- c) Bahasa mempunyai pertalian yang erat dengan pemikiran. Penguasaan bahasa ada kaitannya dengan keupayaan mental.
- d) Bahasa mempunyai ciri-ciri kesejagatan.
- e) Bahasa mempunyai ciri-ciri kreativiti.
- f) Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, aspek pemikiran, pengetahuan dan makda amat ditekankan dan bukan latihan-latihan yang membentuk kebiasaan.
- g) Bahasa dihuraikan melalui transformasi-generatif.
- h) Kesalahan pelajar bukanlah merupakan kegagalan mereka tetapi ia adalah satu percubaan hipotesis.

1.7.3 Pembelajaran

Mengikut Gagne (1974) dalam buku Prinsip dan Amalan Pengajaran (2003) yang dikatakan pembelajaran adalah perubahan pemikiran, kebolehan dan perangai seseorang yang bukan disebabkan oleh proses tumbesar atau pembesaran. Perubahan ini biasanya merupakan pertambahan kebolehan bagi sesuatu perbuatan atau pekerjaan yang berkaitan dengan minat, sikap dan nilai seseorang.





Manakala, mengikut Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, yang dipetik dari sarinapratikum.blogspot yang telah menerangkan bahawa pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

Selain itu, menurut E.R. Hilgard, R.C. Atkinson dan R.L. Atkinson dalam buku bertajuk *Introduction to Psychology* (1975) yang dipetik dari Konsep Pembelajaran oleh Ahmad Johari Sihes. Pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku yang kekal hasil dari pengalaman. Perubahan ini mungkin tidak jelas sehingga timbul suatu situasi yang menonjolkan tingkah laku baru ini; pembelajaran biasanya tidak diperlihatkan dengan serta-merta melalui pencapaian.



1.7.4 Kesusasteraan Melayu

Terdapat beberapa tokoh sarjana yang telah memberi pandangan dan pendapat mereka berkaitan dengan definisi Kesusasteraan Melayu. Berdasarkan Abdul Halim Ali dalam buku Mendekati Puisi Melayu Tradisional (2006) telah menyatakan bahawa kesusasteraan meliputi segala hasil penciptaan yang menggunakan alat pertuturan atau bahasa dan tulisan sebagai alat penyampainya. Kesusasteraan atau sastera digunakan seiring dengan maksud yang sama, iaitu hasil-hasil penulisan walaupun asalnya kata





dasar sastera dalam bahasa Sanskrit merujuk kepada tulisan-tulisan yang mengandungi pengajaran, arahan atau petunjuk cara bagaimana sesuatu patut dilakukan.

Tambahan lagi, menurut Hashim Awang (1997) memberi maksud kesusasteraan merupakan ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Ia mungkin ditutur atau ditulis. Manakala Ann Jefferson juga telah mendefinisikan kesusasteraan dengan makna ‘ pengarang menghantar teks kesusasteraan tentang *reality* kepada pembaca melalui bahasa’.

Selain itu, menurut Syed Ali Ashraf (1989) yang dipetik dari laman blog mazlizasuleiman yang telah mengatakan bahawa sastera bukan sahaja satu bentuk ilmu yang tetapi merangkumi semua aktiviti manusia secara kreatif. Karya-karya sastera memaparkan perutusan, amanat serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Hasil karya yang dicipta memaparkan gagasan dan daya fikir pengarangnya yang ingin dikongsi bersama dengan pembaca.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

22

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan Teori Mentalis berdasarkan teks novel Jesusasteraan Melayu sekolah menengah dalam pengajaran Jesusasteraan Melayu di sekolah bagi tujuan mendedahkan kepada khalayak tentang kepentingan kaedah pengajaran yang sejarar dengan kemajuan teknologi kini untuk memberi lebih kefahaman serta menarik minat pelajar untuk mendalami subjek Jesusasteraan Melayu terutamanya dari segi bahasa.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi